

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT TAHUNAN BAKTI KE-25  
Lokasi : SERI PERDANA, PUTRAJAYA  
Tarikh : 03-07-2002

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Illahi terlebih dahulu, kerana dengan limpah kurniaNya sahaja dapat kita berhimpun sekali lagi di Majlis Mesyuarat Tahunan BAKTI yang kini sudah berusia 25 tahun. Kejayaan dan kemajuan kita yang berterusan sebagai satu badan kebajikan selama suku abad adalah suatu sebab utama untuk kita ahli-ahli BAKTI bersyukur kepada Allah S.W.T. dan berterima kasih kepada rakan-rakan BAKTI yang selama ini menyokong, membantu bekerjasama dengan BAKTI. Kita berdoa kepada Tuhan semoga kejayaan dan kemajuan yang BAKTI capai selama ini akan terus diberkati Allah S.W.T, insya'Allah.

2. Saya selaku Yang Di Pertua BAKTI sejak 1981, berterima kasih kepada saudari-saudari hadirin sekalian kerana hadir bersama untuk meraikan 25 tahun usia BAKTI. Ahli-ahli bertukar ganti sepanjang 25 tahun ini tetapi dasar dan tujuan BAKTI masih sama dan terus direalisasikan. Perkembangan BAKTI terbukti dalam penubuhan berbagai-bagai Jawatankuasa yang menyelenggarakan aktiviti kebajikan untuk masyarakat dan aktiviti sosial untuk pembangunan ahli-ahli sendiri dalam pelbagai aspek seperti menambah ilmu, budaya dan sukan.

3. Bagi BAKTI sendiri, BAKTI berbangga dan bersyukur bahawa pada 28 Mei 2002 yang lalu, Perdana Menteri selaku Penaung BAKTI, dapat melakukan upacara pecah tanah untuk projek pembinaan sebuah Pusat Komuniti BAKTI di Bukit Kiara. Insya'Allah, Pusat Komuniti BAKTI Bukit Kiara ini akan siap pada bulan Jun 2003 dan segala aktiviti untuk masyarakat dapat dimulakan di pusat itu seperti mengadakan pusat harian bagi kanak-kanak, kaunseling bagi remaja dan dewasa, pusat dialisis, pusat jagaan kesihatan wanita, perpustakaan dan pejabat bagi pentadbiran BAKTI.

4. BAKTI sebagai sebuah organisasi bukan Kerajaan berasa bertuah dan berbangga dapat berada dalam kedudukan kukuh daripada segi kewangan dan usaha-usaha mengumpul dana untuk aktiviti kebajikan dan projek- projek khasnya terus berjalan lancar. Bukan mudah bagi sebuah organisasi merayu kepada orang ramai untuk mendapatkan dana tetapi saya percaya BAKTI lebih mudah mendapat sambutan daripada penderma-penderma kerana ia ikhlas dalam kerja-kerja amalnya dan perbelanjaan dana yang diketipnya adalah telus dan bukan kerana BAKTI dianggotai oleh isteri-isteri pemimpin. Keyakinan orang ramai, khasnya daripada pihak swasta, adalah amat penting bagi BAKTI.

5. Sebagai wanita yang komited kepada usaha-usaha murni BAKTI, ahli-ahli BAKTI telah selama ini berusaha sendiri mengelolakan majlis-majlis kutipan dana ataupun majlis-majlis perayaan, sambutan atau penyerahan derma- derma. Keyakinan dan kebolehan diri untuk berbuat demikian adalah hasil daripada usaha-usaha gigih dan pengalaman ahli-ahli sendiri tahun demi tahun.

6. Saya, selaku Yang Di Pertua BAKTI berasa bertuah kerana memperolehi Jawatankuasa Tadbir dan ahli-ahli yang komited menjalankan tugas masing-masing untuk aktiviti BAKTI. Mereka tidak mengira penat lelah dan menunjukkan kebolehan mereka apabila diminta berbuat sesuatu. Di sini, saya ingin mengucapkan berbanyak- banyak terima kasih kepada saudari sekalian yang selama ini telah berfungsi sebagai ahli BAKTI yang benar-benar dedikasi dan jujur.

7. Mungkin saudari bertanya, sama ada saya ini terlupa akan hadirnya tetamu kehormat BAKTI dalam mesyuarat kita ini. Sesungguhnya, sekali-kali tidak. Ringkasan mengenai BAKTI adalah untuk maklumat beliau sebelum saya memperkenalkan beliau sebagai wanita contoh yang cemerlang bagi ahli-ahli BAKTI mencontohi kepakaran dan kegigihan beliau terhadap cita-cita beliau menjadi seorang wanita yang berjaya.

8. Pada setiap tahun, BAKTI mengundang seorang tokoh wanita negara untuk merasmikan Mesyuarat Tahunan BAKTI, sambil itu berkongsi pengalaman peribadinya dalam kerjaya dan pembangunan wanita terkini dengan ahli-ahli BAKTI.

9. Yang Berbahagia Datuk telah diundang tahun ini atas rekod Datuk sebagai wanita yang berjaya sebagai ahli ekonomi dan pengurus kewangan sehingga diundang oleh Kerajaan sebagai Perunding dalam usaha-usaha Kerajaan menyelesaikan kegawatan ekonomi negara pada 1997 - 1998. Bagi pihak BAKTI dan diri saya, saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Datuk dan mengucapkan terima kasih atas kesudian Datuk menerima undangan kami.

10. Kita harus berbangga dengan tokoh wanita kita, Yang Berbahagia Datuk Khatijah Ahmad, yang mempunyai kerjaya yang cemerlang sejak beliau lulus dari London School of Economics & Political Science, University of London pada 1965, membawa balik Ijazah Ekonomi dengan pujian.

Jawatan-jawatan beliau adalah dalam bidang kepakaran beliau, seperti berikut: 1965-70 : Assistant Economist, Bank Negara Research Economist, FAMA 1971-73 : Director of Admin. & Finance, LPN 1973 : Resigned from the public sector to open her own financial Company and became Executive Chairman of KAF Group of Companies.

1977-80 : Member of Brandt Commission 1981-83 : Member of UNDP Member of Board of Trustees, Malaysia Institute of Economic Research (MIER), Member of Board, Sime Darby Bhd., Chairman, Institute of Bonds.

1990-95 : Adjunct Prof. UUM, Kedah Council Member of ITM for 15 years, Member of Malaysian Business Council, 1990 : Member of NECC or MAPEN I and now invited to sit on MAPEN II - both are high ranking consultative bodies that deal with the economic and financial aspects of the Government.

11. It is not at all surprising that Datuk Khatijah Ahmad is recognised for her services to the country and is being awarded the Darjah Yang Mulia Panglima Jasa Negara from Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman in 1997. We would like to congratulate her for her achievements and to wish her further success in the future. We in BAKTI are very honoured to have you with us today, Datuk, and look forward to listening to your personal advice and guide for us all.

12. Semoga Allah S.W.T. membalas jasa-jasa khidmat Datuk kepada Kerajaan dan negara dengan mencucuri rahmat dan kesejahteraan kepada Datuk.

13. Sekian sahaja, wabillahi taufik walhidayah, wasalamualaikum waramatullahi wabarakatuh.